

# Sinergi Persekutuan dan negeri pastikan pembangunan lancar

BERITA HARIAN 15 JUL 2025

m/s: 2

**Kerjasama kukuh berupaya selaras dasar, inisiatif demi kesejahteraan rakyat dan negara**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan negeri berupaya memastikan pelaksanaan agenda pembangunan negara berjalan lancar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sinergi itu juga memastikan pelaksanaan agenda pembangunan negara dibuat secara menyeluruh dan inklusif demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan Malaysia.

“Mesyuarat ini adalah platform penting yang memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, khususnya dalam menyelaraskan dasar serta inisiatif pembangunan secara bersama,” katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Terdahulu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat

Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-146 di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Mesyuarat itu turut dihadiri beberapa menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

## Bincang isu tanah

Sementara itu, Shamsul Azri menerusi perkongsian di Facebook memaklumkan, mesyuarat terbabit antaranya menyentuh mengenai isu tanah di negeri serta Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

“Optik perbincangan kali ini terarah kepada pelaksanaan projek pembangunan dan isu yang terkait dengan pemberilikan tanah di negeri dan penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang dijangka dibentangkan di Parlimen, pada hujung bulan Julai ini.

“Sebelum mesyuarat bermula, saya sempat bertegur sapa dengan sebahagian besar YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri serta menyatakan komitmen untuk kerap turun padang dan lawatan mengejut di negeri-negeri bagi memantau pelaksanaan program atau projek dan meneruskan agenda reformasi perkhidmatan

awam,” katanya.

Berdasarkan takwim Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas 2025, Mesyuarat Kedua, pembentangan RMK13 dijadualkan pada 31 Julai.

Sementara itu, Perdana Menteri menerusi kenyataan ringkas di media sosial berkata, hubungan erat dan kerjasama strategik di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, terutama Sabah dan Sarawak adalah sangat penting.

Anwar berkata, ini bagi membantu menjayakan agenda nasional berteraskan pembangunan yang inklusif dan seimbang demi kemajuan bersama seluruh rakyat Malaysia.

Penegasan Anwar yang juga Menteri Kewangan itu dibuat selepas beliau mengadakan pertemuan bersama Premier Sarawak, Tan Sri Dr Abang Johari Tun Openg dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor di Perdana Putra, semalam.

Pada pertemuan itu, ketiga-tiga pemimpin berkenaan turut membincangkan pelbagai perkara berkepentingan bersama, antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah serta Sarawak.

Dalam pada itu, Anwar dilihat turut menerima Laporan Tahunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya 2024 yang disampaikan Hajiji.